

Nelayan hargai kerajaankekalkan pemberian subsidi

BH 15/10/23 m/s 6

Kota Bharu: Hampir 100,000 ahli Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) akan mendapat manfaat daripada Belanjawan 2024 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, kelmarin.

Pengerusi NEKMAT, Abdul Hamid Bahari, berkata peruntukan diumumkan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan itu dapat meringankan beban ditanggung nelayan di seluruh negara.

Beliau berkata, antara lain kerajaan masih mengekalkan pemberian subsidi kepada nelayan terutama pembelian petrol yang meringankan beban nelayan untuk terus mencari rezeki di laut.

Katanya, pihaknya berharap pemberian ini akan memotivasi nelayan untuk terus meningkatkan hasil tangkapan ikan, sekali gus membantu negara.

"Kebanyakan nelayan amat bersyukur dan berterima kasih atas pemberian ini yang mem-



Abdul Hamid Bahari

beri semangat kepada kami untuk meningkatkan hasil tangkapan.

"Ini bukti kerajaan tidak pernah melupakan golongan nelayan, malah memberikan peruntukan RM10 juta untuk membaik pulih rumah nelayan," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Media kelmarin melaporkan, Belanjawan 2024 Malaysia MADANI menyediakan RM2.6 bilion bagi menyeluruh pelbagai bentuk subsidi dan insentif kepada pesawahan dan nelayan.

Datuk Seri Anwar berkata, kerajaan terus mengekalkan subsidi die-

sel pada harga terendah, iaitu RM1.65 sen seliter kepada nelayan kelas tertentu dengan kuota 840 juta liter setahun.

Nelayan juga diberikan eluan sara hidup sehingga RM300 sebulan dan Insentif Hasil Tangkapan Nelayan sehingga RM1,000 sebulan, selain menyediakan RM10 juta untuk mem-



Insentif diberikan mampu memberi motivasi kepada nelayan meningkatkan hasil tangkapan.

(Foto hiasan)

bina baharu serta membaik pulih rumah nelayan uzur.

Abdul Hamid berkata, dalam belanjawan itu, kerajaan turut menyediakan pinjaman mudah kepada nelayan dan diharap ia dapat mengembangkan lagi bidang perniagaan yang dicebur mereka.

"Kita juga menyambut baik skim insurans yang diperkenalkan kerajaan menerusi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk melindungi nelayan, pesawahan dan petani yang terbabit dengan bencana alam," katanya.

Pacu sektor agromakanan

Sementara itu, di Kuala Lumpur, Menteri Pertanian dan Ke-

terjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata Belanjawan 2024 mampu menyokong pelaksanaan inisiatif dan program direncanakan kerajaan melalui pelbagai kementerian secara inklusif.

Beliau berkata, peruntukan RM6.17 bilion diterima KPBM mampu mengukuhkan fungsiannya dalam mendepani cabaran isu semasa dalam sektor pertanian dan agromakanan.

Katanya, peningkatan peruntukan 14.4 peratus berbanding RM5.39 bilion pada 2023 membantu KPBM memacu sektor agromakanan yang berfokus kepada agenda pemodenan dan kelestarian aktiviti pertanian serta pengukuhan

infrastruktur pertanian.

"Selain itu, peruntukan itu membantu pembangunan rantai nilai agromakanan secara holistik serta pemerkaan agenda kebijakan petani, nelayan, penternak dan pesawahan, di samping fokus utama untuk memastikan keterjaminan makanan kepada semua rakyat.

"Bagi mendepani agenda keterjaminan makanan, KPBM akan melaksanakan inisiatif Belanjawan 2024 secara cekap, berhemat dan efisien bagi memastikan golongan sasar yang dikenal pasti mendapat manfaat segera daripada pengumuman ini," katanya dalam kenyataan, semalam.